

SULIT



Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2021/2022

Februari/Mac 2022

HST427– Isu-Isu Dalam Sejarah Awal Asia Tenggara

Masa : 24 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT (4) soalan. Jawab DUA (2) soalan daripada setiap Bahagian A dan DUA (2) soalan daripada Bahagian B.

...2/-

SULIT

- 2 -

Bahagian A

1. "Terjadinya difusi budaya semasa zaman Hoabinh di Kompleks Selat Melaka." Analisiskan ketepatan pernyataan di atas dengan contoh-contoh yang sesuai.

[100 markah]

2. "Penyebaran pengaruh India bersifat *penetration pacifique* dan penerimaan budaya dilakukan secara *en bloc* di Asia Tenggara." Berdasarkan pernyataan di atas buat suatu tinjauan mengenai kesan penyebaran pengaruh Indianisasi dari segi politik, agama dan ilmu pengetahuan di Semenanjung Tanah Melayu.

[100 markah]

3. "Kemampuan orang Melayu menguasai dan mentadbir Brunei ditentukan oleh penguasaannya terhadap sumber manusia." Telitikan bagaimana pernyataan tersebut dapat dibuktikan kebenarannya?

[100 markah]

4. "Perdagangan sering dikaitkan sebagai faktor penentu kemunculan dan sekali gus penghapusan perhambaan di Asia Tenggara antara kurun ke-16 hingga ke-18 Masihi." Jelaskan bagaimana pernyataan tersebut boleh dipertahankan.

[100 markah]

Bahagian B

5. Anda dikehendaki membina EMPAT kritikan perihal sumber dan perzamanan dalam sejarah awal Asia Tenggara.

[100 markah]

6. "Kestabilan kerajaan Angkor sangat bergantung kepada pegangan dan pengamalan agama raja-rajanya". Bincangkan kesahihan pernyataan di atas.

[100 markah]

...3/-

SULIT

- 3 -

7. "Peperangan berlaku hampir sepanjang pemerintahan raja-raja Campa." Huraikan EMPAT sebab utama yang membawa kepada peperangan tersebut dan kesan peperangan kepada pemerintah dan kerajaan Campa.

[100 markah]

8. Bincangkan EMPAT faktor utama pemilihan lokasi, kemajuan dan kemunduran pelabuhan Kedah Tua.

[100 markah]

- oooOooo -